


QAA 1022

ULUM AL-HADITH

Program Pensiswazahan Guru



A. IRWAN SANTERI DOLL KAWAID
NOOR NAJIHAN JAA'FAR
NURUL ASIAH FASEHAH MUHAMAD



ULUM AL-HADITH QAA 1022

Program Pensiswazahan Guru

**A. IRWAN SANTERI DOLL KAWAID
NOOR NAJIHAN JAA'FAR
NURUL ASIAH FASEHAH MUHAMAD**

Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2012

Cetakan Pertama 2012

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083

www.penerbit.usim.edu.my

pej.penerbitan@usim.edu.my

Penerbit USIM adalah anggota

MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh:

Penerbit UKM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM, Bangi, Selangor

Tel : 03-8921 5371 | 3072 Faks : 03-8925 4575

penerbit@ukm.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

A. Irwan Santeri Doll Kawaid

Ulum al-hadith QAA 1022 : program pensiswazahan guru /

A. Irwan Santeri Doll Kawaid, Noor Najihan Jaa'far, Nurul Asiah Fasehah Muhamad.

ISBN 978-967-0393-31-5

I. Hadith–Criticism, interpretation, etc.

I. Noor Najihan Jaa'far. II. Nurul Asiah Fasehah Muhammad. III. Judul.

297.124

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN KURSUS

Unit 1 :	Pengenalan Ulum Hadis	13
	1.1 Takrif	13
	1.2 Kedudukan hadis dalam Islam	14
	1.3 Hubungan hadis dengan al-Quran	14
	1.4 Pembahagian kepada riyawah dan dirayah	18
Unit 2 :	Penjagaan Hadis	21
	2.1 Sejarah perkembangan hadis	22
	2.2 Kutub Sittah	24
	2.3 Turuq Tahammul dan Siagh al-Ada'	24
Unit 3 :	Istilah–istilah berkaitan ilmu hadis	37
Unit 4 :	Hadis Mutawatir dan Ahad	47
	4.1 Hadis Mutawatir	48
	4.2 Hadis Ahad berdasarkan jumlah perawi	49
	4.3 Hadis Ahad berdasarkan sandaran hadis	49
Unit 5 :	Pembahagian makbul	55
	5.1 Hadis sahih lizatihi	56
	5.2 Hadis sahih lighairihi	58
	5.3 Hadis hasan lizatihi	59
	5.4 Hadis hasan lighairihi	60
Unit 6 :	Hadis mardud (daif)	63
	6.1 Pengenalan Hadis Daif	64
	6.2 Hadis Daif disebabkan sanad terputus	65
	6.2.1 Suqut Zahir	66
	6.2.2 Suqut Khafi	70

Unit 7 :	Hadis daif	75
	7.1 Hadis Daif disebabkan Kecacatan Perawi	76
	7.2 Perawi yang Tidak Adil (‘Adalah)	76
	7.2.1 Maudhu’	76
	7.2.2 Matruk	78
	7.2.3 Munkar	79
	7.2.4 Mu’tadi’	79
	7.2.5 Majhul	80
Unit 8 :	Hadis daif	83
	8.1 Perawi yang tidak Dhabit	84
	8.1.1 Ma’lul	84
	8.2.1 Su’u al-Hifz	86
	8.2.3 Mukhtalaf al-Thiqat	86
Unit 9 :	Ilmu perawi	97
	9.1 Ilmu rijal	98
	9.2 Ilmu jarh ta’dil	98
	9.3 Ilmu takhrij	100
Unit 10:	Ilmu dirayah	105
	10.1 Mukhtalaf al-hadis	106
	10.2 Ilmu nasakh mansukh	109
	10.3 Ilmu gharib al-hadis	110
	10.4 Ilmu asbab urud al-hadis	111
	10.5 Ilmu ‘ilal	111

**PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU
QAA 1022
ULUM AL-HADITH**

- Pengarah Projek : Prof. Madya Bhasah Abu Bakar
Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- Penyelaras Projek : Dr. Noor Azizi bin Ismail
Ketua Program Pendidikan
- : Dr. Noorhayati Hashim
Penyelaras Program Pensiswazahan Guru Sekolah Menengah
- : Pn. Hazlina binti Abdullah
Penyelaras Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah
- Penulis Modul : En. A. Irwan Santeri Doll Kawaid
Pn. Noor Najihan Bt Jaa'far
Pn. Nurul Asiah Fasehah Bt Muhammad
- Editor : Dr. Noorhayati Bt Hashim

PANDUAN KURSUS

HURAIAN QAA 1022 (ULUM HADIS)

PENGENALAN

Panduan kursus disediakan untuk membantu pelajar memahami keperluan dan kandungan kursus. Pelajar hendaklah sentiasa membaca dan merujuk bahagian panduan ini dengan teliti untuk membolehkan pelajar melengkapkan kursus ini dengan jaya.

Kursus QAA 1022 Ulum Hadis ini dirangka untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai Hadis Rasulullah SAW yang merupakan sumber kedua Islam. Kursus ini akan membekalkan kepada pelajar pengetahuan mengenai perkembangan pengumpulan, penulisan dan bahagian-bahagian hadis serta yang membawa kepada klasifikasi hadis yang diterima dan ditolak yang boleh digunakan dalam pengajaran mereka di sekolah serta dalam kehidupan masyarakat kelak.

KUMPULAN SASARAN

Kursus ini ditawarkan kepada semua pelajar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) bagi mengajar di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

PERUNTUKAN MASA PEMBELAJARAN

Mengikut piawaian MQA, setiap jam kredit memerlukan pelajar memperuntukkan 40 jam pembelajaran. Oleh itu untuk subjek ini pelajar memerlukan 80 jam waktu pembelajaran. Anggaran agihan waktu pembelajaran bagi kursus QAA 1022 ini adalah seperti jadual di bawah :

Jadual 1 : Anggaran agihan masa pembelajaran QAA 1022

Bil.	Aktiviti pembelajaran	Jam pembelajaran	
		Bersemuka	Tidak bersemuka
1.	Tutorial	20	
2.	Tutorial dalam talian	-	20
3.	Membaca modul serta menyiapkan tugas	-	20
4.	Video P&P melalui MyLMS	-	20
Jumlah Masa Pembelajaran		80	

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Setelah menghabiskan kursus ini, para pelajar berupaya untuk:

1. Menjelaskan kefahaman terhadap takrif, fungsi dan hubungan hadis-hadis nabawi yang menjadi sandaran hukum.
2. Membezakan takrif hadis yang diterima sebagai hukum dan hadis yang ditolak.
3. Menghuraikan disiplin ilmu hadis dirayah yang meliputi hukum hakam yang diambil dari hadis.

SINOPSIS KURSUS

Kursus ini menekankan pengajian hadis yang dijadikan sumber perundangan kedua dalam Islam. Ia mencakupi dalil-dalil dari al-Quran yang mengiktiraf hadis serta fungsi hadis itu sendiri yang mendukung hujah al-Quran. Di samping itu penerangan tentang pembahagian hadis serta sejarah pengumpulan, penulisan dan pemeliharannya turut dititikberatkan sebagai satu disiplin ilmu dalam usaha menjadikan Islam sebagai agama yang berpaksikan fakta yang sahih. Selain itu, penjelasan mengenai ilmu memahami nas hadis turut diselitkan agar seiring antara ilmu hadis riwayat dan dirayah.

ISI KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini terbahagi kepada 10 tajuk. Kandungan keseluruhan kursus adalah seperti berikut :

Unit 1: Pengenalan Ulum Hadis

Unit 1 mengandungi perbincangan tentang kedudukan hadis dalam Islam. Hubung kait antara hadis dan al-Quran dari segi menguatkan hukum yang tersedia ada dalam al-Quran, menjelaskan lagi persoalan hukum dan mendatangkan hukum baru yang tidak disebut dalam al-Quran. Unit ini menjelaskan definisi perkataan hadis dan membincangkan perbahagian ilmu hadis riwayat dan dirayah.

Unit 2: Penjagaan Hadis

Unit 2 mengandungi perbincangan tentang perkembangan ilmu hadis dalam sejarah Islam. Unit ini turut menjelaskan secara ringkas pengenalan kepada *kutub sittah* dan mengenal pasti lafaz-lafaz yang digunakan dalam menerima dan meriwayatkan hadis.

Unit 3: Istilah-istilah Berkaitan Ilmu Hadis

Unit 3 mengandungi penjelasan definisi bagi istilah-istilah yang sering digunakan dalam ulum hadis seperti: Al-Hadis, Al-Khabar, Al-Sunnah, Al-Athar, Sanad, Isnad, Matan, Al-Musnad, Al-Musnid, Al-Mutabi', Al-Syahid, Al-Muhaddith, Al-Hafiz, Al-Hakim, Al-Hujjah dan Amirul Mukminin .

Unit 4: Hadis Mutawatir dan Ahad

Unit 4 membincangkan pembahagian hadis kepada Mutawatir dan Ahad yang merupakan pembahagian utama dalam ilmu Hadis. Antara perkara yang dibincangkan adalah definisi, kriteria syarat, hukum mengingkari dan pecahannya.

Unit 5: Hadis Makbul

Unit 5 membicarakan hadis-hadis yang boleh dijadikan sandaran hukum dalam Islam. Ia membincangkan kriteria, syarat, pecahannya dan hukum beramal dengannya juga kriteria, syarat kepada pecahan-pecahannya. Istilah-istilah yang di bawah topik ini adalah *Hadis Sahih li Zatihi*, *Hadis Hasan li Zatihi*, *Hadis Sahih li Ghairihi* dan *Hadis Hasan li Ghairihi*.

Unit 6: Hadis Mardud (Daif)

Unit 6 membincangkan mengenai pengenalan Hadis Daif, pembahagian serta hukum beramal dengannya. Selain itu turut menyentuh secara terperinci tentang Hadis Daif yang disebabkan oleh terputusnya sanad perawi. Antara hadis di bawah cabang ini ialah Al-Mu'allaq, Al-Mursal, Al-Mu'dhal, Al-Munqati', Al-Mudallas dan Al-Mursal Al-Khafi

Unit 7: Hadis Daif

Unit 7 mengandungi perbincangan tentang satu lagi cabang Hadis Daif iaitu Daif disebabkan oleh kecacatan pada perawi serta pembahagiannya. Unit ini turut memberi penekanan kepada bahagian daif disebabkan oleh perawi yang tidak adil. Antara hadis-hadis yang berkaitan ialah Al-Maudhu', Al-Matruk, Al-Munkar, Al-Mubtadi' dan al-Majhul

Unit 8: Hadis Daif

Unit 8 membincangkan tentang bahagian hadis daif disebabkan oleh perawi yang tidak dhabit. Unit ini membincangkan secara terperinci tentang hadis-hadis yang berkaitan dengan bahagian ini. Antara hadis-hadis tersebut ialah Al-Ma'lul, Su'u al-Hifz dan Mukhtalaf al-Thiqat.

Unit 9: Ilmu Perawi

Unit 9 membincangkan berkaitan syarat pengkritik hadis, syarat perawi, pendedahan kepada buku-buku rujukan berkaitan dengannya dan langkah-langkah menilai seseorang perawi hadis. Turut dibincangkan adalah jenis-jenis pengkritik hadis dan jenis-jenis buku rujukan berkaitan dengannya.

Unit 10: Ilmu Dirayah

Unit 10 mengandungi perbincangan yang berkaitan aspek isi kandungan hadis. Iaitu aspek berkaitan kefahaman kandungan hadis. Topik ini akan membincangkan aspek menangani percanggahan yang berlaku antara kandungan hadis dengan teks-teks lain, pembatalan maksud sesuatu hadis, perkataan-perkataan yang asing terdapat dalam hadis dan sebab sesuatu hadis itu wujud. Topik-topik yang akan dibincangkan dalam unit ini adalah: Nasikh wa Mansukh al-Hadis, Mukhtalaf al-Hadis dan Musykil al-Hadis, Gharib al-Hadis dan Asbab Wurud al-Hadis.

